



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA

MEDAC MENYAMBUT BAIK PENGUMUMAN YANG DIBUAT OLEH YAB PERDANA MENTERI BERHUBUNG SITUASI SEMASA COVID-19

KUALA LUMPUR, 7 Oktober 2020 – Bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) saya menyambut baik keputusan kerajaan melalui pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri berhubung tindakan kerajaan dalam mengawal penularan wabak COVID-19 selepas berakhirnya Pilihan Raya Negeri Sabah baru-baru ini.

Saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang diterajui oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana tidak melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara tetapi mengambli tindakan secara kawalan setempat melalui sekatan pergerakan bagi kawasan-kawasan tertentu terutamanya di daerah yang berada dalam kategori zon merah yang kebanyakannya berada di Negeri Sabah.

Melihat kepada keadaan semasa untuk memulihkan kembali ekonomi, negara tidak lagi boleh berhadapan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana proses pemulihan yang telah dimulakan sejak bulan Mei dan Jun yang lepas dengan suntikan dana oleh pihak kerajaan melalui Penjana 1 dan 2 perlu digerakkan secara berterusan. Kerajaan juga

ingin melihat hasil ataupun impak daripada sumbangan yang diberikan melalui PENJANA dan PRIHATIN dan jika kerajaan bertindak untuk menguatkuasakan semula PKP di seluruh Negara makanya dikhuatiri segala apa yang dirancang akan lenyap begitu sahaja.

Saya masih ingat apa yang disebut oleh YAB Perdana Menteri pada 4 Mei yang lepas iaitu kerajaan bakal kehilangan sebanyak 2.4 billion sehari kesan daripada pelaksanaan PKP dan perkara ini mesti dielakkan daripada berulang.

Walaupun bagaimanapun, kita berharap agar pihak peniaga dapat mengikuti SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan masyarakat umum juga dapat mematuhi SOP yang telah digariskan jika tidak mahu 'Abah rotan lagi' demi kebaikan seluruh Negara dan keluarga kita semua.

MEDAC melalui agensinya sedang rancang menjalankan latihan secara "Coaching" bagi meningkatkan motivasi PKS untuk terus menjalankan perniagaan mereka walaupun berhadapan dalam situasi yang tidak menentu kesan daripada penularan wabak COVID-19. Semua agensi di bawah MEDAC telah dan sedang melaksanakan program/aktiviti bagi menggalakkan ekonomi dalam semua bidang.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI